



**USM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA  
PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN  
SCHOOL OF EDUCATIONAL STUDIES



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN  
PGT 223 KAEDAH MENGAJAR GEOGRAFI I  
SIDANG AKADEMIK 2019/2020  
SEMESTER I

**LAPORAN INOVASI PENGAJARAN GEOGRAFI TINGKATAN 1**

**TAJUK SALIRAN**

**DISEDIAKAN OLEH:**

NAMA	NO MATRIK
NUR SHAFIQAA BINTI KHAIRUL ANUAR	136461
NUR ATHIRAH BINTI YUSOFF	136445
SITI ZULAIKHA BINTI HASAN	136505

**DISEDIAKAN UNTUK:**

**PM DR. MOHAMMAD ZOHIR BIN AHMAD @ SHAARI**

**WAKTU TUTORIAL**

**KHAMIS (10.00 AM-11.00 AM)**

## ISI KANDUNGAN LAPORAN

<b>BIL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.0	TRANSKRIPSI RAKAMAN TEMU BUAL PELAJAR	3-5
2.0	ANALISIS TRANSKRIPSI	6-8
3.0	RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH)	
4.0	REFLEKSI PENAMBAHBAIKAN RPH	
5.0	REFLEKSI PENAMBAHBAIKAN RAKAMAN SIMULASI PENGAJARAN	
6.0	NOTA GEOGRAFI TAJUK SALIRAN	

## 1.0 TRANSKRIPSI RAKAMAN TEMU BUAL PELAJAR

### PENEMUBUAL:

1. NUR ATHIRAH BINTI YUSOFF (136445)
2. NUR SHAFIQAA BINTI KHAIRUL ANUAR (136461)
3. SITI ZULAIKHA BINTI HASAN (136505)

### TRANSKRIP VIDEO

Temu bual ini berlangsung secara serentak bersama-sama dengan lima orang pelajar perempuan Tingkatan 2 SMK Simpang, Selama, Perak yang belajar di dalam kelas yang sama. Persoalan berkaitan dengan cara guru Geografi mengajar, kaedah penerangan yang digunakan semasa proses PdP di dalam kelas, dan cara pelaksanaan latihan pengukuhan diberikan kepada mereka diketengahkan oleh penemubual. Jawapan yang diberikan oleh pelajar, merangkumi guru Geografi semasa tingkatan 1 dan tingkatan 2 mereka. Pelajar-pelajar ini juga menyatakan beberapa kaedah pembelajaran Geografi yang mereka sukai dan mahukan.

**Penemubual** : Geografi ni senang ke susah?

**Murid 1** : Susah. Sebab kena cari macam-macam bahan untuk buat folio, kerja kursus.

**Penemubual** : Cikgu yang ajar Geografi, lelaki ke perempuan?

**Semua** : Perempuan. Seronok tak masuk kelas Geografi?

**Penemubual** : Seronok tak cara cikgu Geografi mengajar dalam kelas?

**Semua** : Bolehlah.

**Penemubual** : Kenapa bolehlah je? Macam bosan je.

**Murid 2** : Dia macam cerewet sikit. Kalau kerja *kitorang* tak sempurna ke, dia suruh *kitorang* buat balik. Contoh, macam lukis peta ke.

**Penemubual** : Cuba terangkan sikit, cikgu selalu ajar macam mana?

**Murid 3** : Dia jenis kalut sikit. Kalau masuk kelas pun, dia akan tulis dekat papan putih je.

**Penemubual** : Dia ajar guna papan putih je ke?

**Murid 3** : Kadang-kadang dia guna buku. Buku latihan. Dia bagi soalan dalam buku tu, suruh kitorang salin.

**Penemubual** : Oh, jadi kiranya buat latihan, bukan buku latihan korang, guna buku latihan yang dia bagi. Tapi, soalan-soalan latihan tu *korang* kena salin atas kertas?

**Semua** : Ya, betul. Salin je atas kertas.

**Penemubual** : Oh, baik. Faham. Ok, contoh kalau tajuk Saliran, ingat tak tajuk Saliran?

*Semua pelajar seakan-akan bingung, ingat-ingat lupa tentang tajuk Saliran. Ada yang kata tak pernah belajar tajuk tersebut.*

**Penemubual** : Tahu tak tajuk Saliran?

**Semua** : .....

**Penemubual** : Ok ok. Selalunya, cikgu Geografi dalam kelas ajar macam mana? Terangkan *je ke* atau bawak gambar *ke*?

**Murid 4** : Kalau cikgu Geografi tingkatan 2 sekarang ini, lagi tak faham apa yang dia ajar.

*Pelajar lain turut bersetuju.*

**Penemubual** : Kenapa? Kenapa tak faham?

**Murid 5** : Sebab cikgu tu, kalau dia masuk kelas, dia terus tulis dekat papan putih. Dia akan suruh kitorang salin je semua yang dia tulis.

*Pelajar lain turut bersetuju.*

**Penemubual** : Oh, terus tulis dan salin. Lepastu, cikgu terangkan ke tak?

**Murid 1** : Dia terang, tapi sikit ja. Lepastu dia duduk.

**Penemubual** : Lepas dia duduk, dia buat apa?

**Murid 1** : Dia suruh kitorang salin je lah apa yang dia tulis.

**Murid 3** : Kitorang salin je lah.

**Murid 1** : Lepastu kalau ada salah, cikgu akan padam, kemudian tulis balik.

**Penemubual** : Oh, jadi kerja *korang* menyalin je lah dalam kelas Geografi?

*Semua pelajar mengangguk tanda setuju.*

**Penemubual** : Selalunya kalau cikgu bagi latihan, cikgu akan bincangkan tak dalam kelas?

**Murid 3** : Kadang-kadang ada bincang juga.

**Penemubual** : Ok, kalaulah ada orang yang nak mengajar awak semua subjek Geografi, korang nak dia ajar macam mana? Awak nak cikgu yang macam mana?

**Murid 1** : Nak cikgu yang *sporting*.

**Murid 2** : Nak ada permainan.

**Murid 4** : Cikgu tu garang sikit supaya kawan-kawan tak bising.

**Murid 1** : Nak cikgu yang boleh terangkan semua yang dia ajar dengan baik.

**Penemubual** : Oh, bila cikgu bagi penerangan tu boleh buat awak semua faham lah ye?

**Semua** : Ya, betul.

**Penemubual** : Contoh games atau permainan yang korang suka cikgu buat dalam kelas?

**Murid 4** : Kuiz. Takpun, macam susun-susun maklumat dekat depan.

*Semua pelajar mengangguk tanda setuju.*

**Penemubual** : Ada tak cikgu-cikgu yang awak suka cara dia ajar dalam kelas?

**Murid 2** : Ada.

**Murid 3** : Tapi, dia ajar Bahasa Melayu.

**Murid 4** : Dia *sporting*, garang sikit. Cara dia ajar *best*, banyak buat permainan/*games*.

## 2.0 ANALISIS TRANSKRIPSI

Berdasarkan kepada temu bual tersebut, dapat disimpulkan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran Geografi yang berlangsung dalam kelas responden adalah satu proses yang kurang memberangsangkan, guru menggunakan pendekatan tradisional iaitu berpusatkan guru dan tidak bertepatan dengan matlamat kurikulum Geografi yang sebenar. Matlamat kurikulum Geografi adalah untuk melahirkan insan bermaklumat geografi yang mampu berinteraksi dengan persekitaran secara berhemah ke arah kelestarian alam dan kesejahteraan hidup. Namun jika diteliti daripada temu bual responden, proses interaksi murid dengan persekitaran mereka tidak berlaku jika guru hanya masuk ke kelas untuk menyalin nota-nota yang ditulis di papan putih dan hanya menerang secara sepintas lalu tanpa menitikberatkan tahap kefahaman murid. Guru terbabit masih mengutamakan pembelajaran berpusatkan guru.

Responden menyatakan bahawa mereka suka jika guru Geografi tersebut merupakan seorang guru yang *sporting*, tetapi ada garang dan tegasnya. Mereka juga tidak suka guru yang terlalu cerewet dan tergopoh-gapah dalam mengajar, yang mana dari segi teknikalnya, guru tersebut seperti mengarahkan murid untuk sentiasa melakukan yang betul sedangkan cara guru sendiri itu dari awalnya tidak meyakinkan murid-murid. Hal ini adalah sangat berkait rapat dengan personaliti guru. Oleh kerana itu, tahap kecemerlangan personaliti guru adalah sangat penting untuk dinilai dari aspek keterampilan diri, bahasa dan komunikasi, interpersonal dan intrapersonal. Ia adalah sangat penting bagi memastikan proses PdP dengan murid-murid berjalan dengan baik dan tercapai objektif pembelajarannya.

Peringkat penerangan merupakan peringkat yang sangat penting bagi para pelajar untuk memahami konsep-konsep utama dalam satu-satu objektif pembelajaran pada hari tersebut. Jika guru hanya menyuruh pelajar menyalin nota tanpa memberi penerangan tambahan, sudah pasti murid hanya akan berasa bosan dan pemikiran mereka sudah dikunci dengan “waktu Geografi, waktu menyalin nota” tanpa ada peringkat penerokaan yang sebenarnya. Mata pelajaran Geografi adalah sebuah subjek yang berobjektif agar pelajar dapat menghubungkan pengetahuan atau pengalaman sedia ada pelajar dengan kemahiran berkaitan ilmu Geografi. Maka tidak seharusnya, hanya berlaku aktiviti menyalin nota sahaja semasa PdP Geografi.

Jika diteliti dari temu bual responden tersebut, bukan hanya semasa peringkat penerangan, malah pada peringkat penilaian pun murid-murid perlu menyalin soalan dari buku latihan yang diberi oleh guru. Hal ini sudah pasti menimbulkan rasa bosan dalam jiwa murid. Tiada pendekatan yang sewajarnya dilaksanakan oleh guru Geografi untuk betul-betul menerapkan kemahiran Geografi dalam diri murid walhal kemahiran tersebut adalah sangat dekat dengan diri mereka. Hal ini terbukti apabila penemubual bertanyakan tentang tajuk Saliran, para responden menunjukkan riak wajah yang aneh dan keliru, seperti tidak pernah belajar. Ini bermakna, murid-murid tidak ingat tentang konsep-konsep penting yang terdapat dalam tajuk Saliran walhal saliran adalah merupakan salah satu ciri fizikal yang penting dalam kehidupan seharian.

Dalam pada itu, responden juga ada menyatakan bahawa mereka lebih gemar jika banyak aktiviti dan permainan dilakukan semasa PdP berlangsung. Hal ini membuktikan bahawa murid-murid suka untuk bermain sambil belajar yang mana secara tidak langsung dapat menerapkan nilai kerjasama sesama rakan-rakan kelas yang lain. Mereka suka untuk mencabar diri menyelesaikan kuiz-kuiz atau permainan yang dijalankan yang mana kesempatan ini adalah perlu dimanfaatkan sebaiknya oleh para guru untuk menyusun aktiviti yang menarik bagi membina keupayaan murid berfikir secara kritis, kreatif, dan inovatif.

Maka, secara keseluruhannya kita dapat melihat bahawa guru Geografi yang mengajar dengan cara berpusatkan guru, tidak digemari oleh para pelajar. Mereka merasa bosan dan tidak memahami apa yang diajar oleh guru tersebut. Malah, berdasarkan respons pelajar, dapat kita simpulkan bahawa mereka mahukan pembelajaran yang berpusatkan murid. Pembelajaran Geografi yang melibatkan diri mereka di dalam kelas seperti melalui permainan yang interaktif, dan bukannya mereka menjadi pasif dan hanya perlu mendengar, dan menyalin nota. Guru geografi perlu berusaha bersungguh-sungguh bagi melahirkan murid-murid yang boleh menghargai ilmu Geografi dengan menggunakan kemahiran tersebut dalam kehidupan dan dapat mengurus sumber serta alam sekitar secara bijaksana dan bertanggungjawab pada masa akan datang.



### 3.0 RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN SEKOLAH MENENGAH

Modul	Kemahiran Geografi
Tingkatan	1 Al-Biruni
Masa	60 minit
Tema/Tajuk	Saliran di Malaysia
Standard Kandungan	2.3 Lokasi pandang darat fizikal dan kepentingan saliran di Malaysia.
Standard Pembelajaran	2.3.3 Membandingkan kepentingan sungai dan tasik utama di Malaysia.
Objektif Pengajaran & Pembelajaran	Pada akhir pengajaran, murid dapat: <ol style="list-style-type: none"><li>1) Mengenal pasti kepentingan sungai dan tasik di Malaysia.</li><li>2) Menganalisis dan membandingkan antara kepentingan sungai dan tasik utama di Malaysia.</li></ol>
Elemen Merentas Kurikulum	Ilmu: Geografi Fizikal Nilai: Semangat kerjasama, kritis, komunikasi dan kreatif. Kemahiran: <ol style="list-style-type: none"><li>a) KBAT - Menganalisis perkaitan maklumat perbandingan antara kepentingan sungai dan tasik berdasarkan contoh yang diberi.</li><li>b) EMK – Kelestarian Alam Sekitar, Nilai Murni dan Kreativiti dan Inovasi</li><li>c) Kreativiti – Membuat rajah perbandingan antara kepentingan sungai dan tasik serta aktiviti pembentangan.</li></ol>
Pengetahuan Sedia Ada	Pelajar telah mempelajari dan mengetahui nama dan lokasi sungai dan tasik utama di Malaysia melalui pembelajaran dan topik sebelumnya.

Perkembangan Pelajaran	Aktiviti Guru	Aktiviti Pelajar	Catatan
<p><b>Set Induksi</b> (5 minit)</p> <p><b>: Setiap pelajar diberikan gambar menarik aktiviti rekreasi di sungai &amp; tasik.</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Guru melaksanakan pengurusan kelas.</li> <li>ii. Guru mengajak pelajar melakukan aktiviti senaman ringan.</li> <li>iii. Guru meminta pelajar memejamkan mata mereka lalu membayangkan setiap situasi yang diceritakan oleh guru.</li> <li>iv. Guru meletakkan sekeping gambar di setiap meja pelajar yang menunjukkan tentang beberapa kepentingan sungai dan tasik utama di Malaysia.</li> <li>v. Pelajar diberikan masa selama dua minit untuk mentafsir gambar berkenaan mengikut kefahaman mereka sebelum dipilih oleh guru untuk menceritakan mengikut kefahaman mahupun pengalaman mereka berkenaan</li> </ol>		<p>Strategi PdP: Pendekatan Bersepadu</p> <p>Kemahiran: 1) Komunikasi 2) Mendengar Arahan</p> <p>KBAT: 1) Menganalisis gambar 2) Mengaplikasi</p> <p>ABM: 1) Gambar (Rajah rahsia)</p> <p>Nilai Murni: 1) Tolong-Menolong 2) Bersemangat 3) Penyayang</p>

	<p>situasi rajah yang diberikan.</p> <p>vi. Guru mengaitkan aktiviti set induksi dengan objektif pembelajaran dan pengajaran.</p>		
<p><b>Penerangan</b> (20 minit)</p> <p><b>: Penerangan oleh guru secara interaktif dengan pelajar menggunakan teknik bergambar.</b></p>	<p>Penerangan dan aktiviti:</p> <p>i. Guru menerangkan terlebih dahulu tentang konsep sungai dan tasik utama di Malaysia.</p> <p>ii. Guru memulakan penerangan dengan membahagikan maklumat kepada dua bahagian di papan hitam yang mengasingkan antara kepentingan sungai dan tasik agar pelajar memperoleh gambaran objektif pembelajaran yang ingin disampaikan oleh guru.</p> <p>iii. Guru melekatkan beberapa gambar di papan hitam mengikut kategori iaitu antara sungai dan tasik untuk menguji tahap awal kefahaman</p>		<p>Strategi PdP:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Pendekatan Modular</li> <li>2) Pendekatan Deduktif</li> <li>3) Berpusatkan Pelajar</li> </ol> <p>Kemahiran:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Mendengar</li> <li>2) Komunikasi</li> <li>3) Menulis di papan hitam</li> </ol> <p>KBAT:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Mengaplikasi</li> <li>2) Mentafsir</li> </ol> <p>EMK:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Nilai murni</li> </ol> <p>ABM:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Papan Hitam</li> <li>2) Kertas Gambar</li> </ol> <p>Nilai:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Keyakinan diri tinggi</li> <li>2) Bersemangat</li> <li>3) Pantas</li> <li>4) Tidak putus asa</li> </ol>

	<p>pelajar berkaitan kepentingan sungai dan tasik utama di Malaysia.</p> <p>iv. Guru memanggil beberapa orang pelajar secara rawak setelah selesai memberi penerangan untuk menguji tahap kefahaman mereka dengan menulis di papan hitam tentang kepentingan sungai dan tasik bagi setiap gambar yang ditampal oleh guru di papan hitam.</p>		
<p><b>Penerokaan</b> (15 minit)</p> <p><b>: Pelajar</b> <b>berpeluang</b> <b>melekatkan</b> <b>kedudukan</b> <b>sungai &amp; tasik</b> <b>di atas peta</b> <b>Malaysia di</b> <b>hadapan kelas.</b></p>	<p>Aktiviti Penerokaan: Berdasarkan kepentingan tasik dan sungai yang dipelajari, pelajar diminta untuk melekatkan kedudukan sungai dan tasik utama di atas peta Malaysia.</p> <p>Setiap pelajar diberikan satu sampul surat mengikut nama ahli geografi yang mereka minati</p> <p>Sampul surat tersebut mengandungi maklumat berkaitan ciri-ciri sungai mahupun tasik yang perlu ditafsir untuk mengetahui</p>		<p>Strategi PdP:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Pendekatan Modular</li> <li>2) Pendekatan Konstruktivisme</li> <li>3) Berpusatkan Pelajar</li> </ol> <p>Kemahiran:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Membaca</li> <li>2) Bertutur</li> <li>3) Menulis</li> </ol> <p>KBAT:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Mentafsir</li> <li>2) Menganalisis</li> <li>3) Mengaplikasi</li> </ol>

	<p>nama sungai atau tasik utama tersebut</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap pelajar akan dipanggil seorang demi seorang untuk memberi jawapan hasil dari ciri-ciri nama sesuatu sungai atau tasik utama yang mereka peroleh.</li> <li>• Kemudian mereka diminta untuk ke hadapan papan hitam untuk melekatkan pelekat nama sungai atau tasik tersebut di atas peta mengikut kawasan dengan tepat dan jelas.</li> </ul>		<p>ABM:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Sampul surat.</li> <li>2) Papan putih kecil</li> <li>3) Papan hitam</li> <li>4) Peta</li> <li>5) Kertas Warna</li> </ol> <p>EMK:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Kreativiti dan Inovasi</li> </ol> <p>Nilai:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Kesungguhan tinggi</li> <li>2) Tekun</li> <li>3) Berani</li> <li>4) Cepak dan yakin</li> </ol>
<p><b>Pengembangan</b> (15 minit)</p> <p><b>: Aktiviti Berkumpulan menggunakan Stesen Bermaklumat, di mana pelajar perlu membandingkan kepentingan sungai &amp; tasik.</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pembahagian kumpulan</li> <li>ii. Pemberian sampul surat arahan tugas berserta bahan untuk menghasilkan pembentangan</li> <li>iii. Kumpulan pertama perlu menganalisis persamaan antara kepentingan sungai dan tasik, manakala kumpulan kedua perlu menganalisis perbezaan antara</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pelajar menentukan kumpulan sendiri.</li> <li>ii. Pelajar membaca arahan di dalam sampul.</li> <li>iii. Pelajar menggunakan bahan yang disediakan di Stesen Bermaklumat semasa melakukan analisis.</li> <li>iv. Pelajar membentangkan dapatan di atas kertas</li> </ol>	<p>Strategi PdP:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Pembelajaran Secara Koperatif</li> <li>2) Pembelajaran Berasaskan Inkuiri</li> <li>3) Berpusatkan Pelajar</li> </ol> <p>Kemahiran:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Membaca</li> <li>2) Menulis</li> <li>3) Bertutur</li> <li>4) Berfikiran kritis</li> </ol> <p>KBAT:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Menganalisis</li> <li>2) Mengaplikasi</li> </ol> <p>ABM:</p>

	<p>kepentingan sungai dan tasik.</p> <p>iv. Pelajar disediakan 2 buah stesen maklumat tambahan.</p> <p>v. Pembentangan dilakukan sambil rakan pendengar perlu menyalin maklumat yang dibentangkan.</p> <p>vi. Sesi soal jawab.</p>	<p>mahjung di hadapan kelas</p> <p>v. Sesi soal jawab dilakukan</p> <p>vi. Pelajar menyalin maklumat pembentangan di dalam buku nota.</p>	<p>1) Kertas Mahjung</p> <p>2) 'Marker Pen'</p> <p>3) Stesen A: Maklumat Bergambar</p> <p>4) Stesen B: Nota Rujukan Tambahan</p> <p>EMK:</p> <p>1) Kreativiti dan Inovasi</p> <p>Nilai:</p> <p>1) Bekerjasama</p> <p>2) Tekun</p> <p>3) Saling mempercayai</p> <p>4) Bertoleransi</p>
<p><b>Penilaian</b> (5 minit)</p> <p><b>: Pelajar perlu menghasilkan surat cinta untuk Geografi dengan menggunakan slogan “saya cintakan sungai &amp; tasik kerana”</b></p>	<p>i. Guru membuat rumusan ringkas mengenai tajuk pembelajaran.</p> <p>ii. Guru meminta beberapa orang pelajar berkongsi refleksi terhadap apa yang telah dipelajarinya.</p> <p>iii. Pelajar diminta untuk menulis surat cinta untuk Geografi berpandukan slogan “saya sayangi sungai dan tasik kita kerana”</p>	<p>i. Pelajar mendengar rumusan guru.</p> <p>ii. Pelajar berkongsi refleksi masing-masing.</p> <p>iii. Pelajar menulis surat cinta kepada Geografi menggunakan slogan yang diberikan.</p> <p>iv. Pelajar mencatat latihan susulan yang perlu disiapkan.</p>	<p>Strategi PdP:</p> <p>1) Pengajaran berpusatkan murid</p> <p>2) Pendekatan Bersepadu</p> <p>Kemahiran:</p> <p>1) Pembentukan Nilai berdasarkan pembelajaran</p> <p>KBAT:</p> <p>1) Mengaplikasi pengetahuan terhadap kehidupan seharian</p>

	<p>iv. Setelah selesai nota kecil itu diminta agar dilekatkan di bahagian sudut aktiviti pelajar di papan kenyataan Geografi.</p> <p>v. Guru memberikan latihan susulan..</p>		<p>ABM: 1) Kertas kecil berwarna</p> <p>EMK: 1) Nilai Murni 2) Kelestarian Alam Sekitar</p> <p>Nilai: 1) Prihatin 2) Kesedaran Kepentingan Alam Sekitar</p>
--	---	--	---

#### **4.0 REFLEKSI PENAMBAHBAIKAN RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN**

Berdasarkan ulasan pensyarah terhadap Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Sekolah Menengah yang disediakan oleh kumpulan kami, terdapat beberapa penambahbaikan yang boleh kami lakukan:

Pertama, RPH yang dilakukan perlu mengikut rancangan pengajaran tahunan subjek Geografi yang telah disediakan oleh panitia Geografi sekolah. Misalnya bagi tajuk saliran, jika mengikut DSKP iaitu 2.3 Saliran di Malaysia, terdapat 3 standard pembelajaran yang perlu diajar oleh guru.

Iaitu:

- 2.3.1 Membincangkan pandang darat fizikal di setiap peringkat aliran sungai.
- 2.3.2 Mengenal pasti nama sungai dan tasik utama di atas peta Malaysia.
- 2.3.3 Membandingkan kepentingan sungai dan tasik utama di Malaysia.

Semasa RPH kumpulan kami dirangka, kami hanya memberikan penekanan kepada standard pembelajaran 2.3.3 Membandingkan kepentingan sungai dan tasik utama di Malaysia, dengan andaian bahawa standard 2.3.1 dan standard 2.3.2 telah selesai diajar. Oleh sebab itulah aktiviti penerokaan dan pengembangan yang dilakukan seakan turut mempunyai aktiviti pengukuhan bagi standard pembelajaran 2.3.2 iaitu mengenal pasti nama sungai dan tasik utama di atas peta Malaysia.

Walau bagaimanapun, cadangan yang diberikan oleh Dr Zohir ialah, agar standard pembelajaran 2.3.2 dan 2.3.3 ini digabungkan sekali dalam satu waktu. Ini bermakna, sewaktu guru menerangkan mengenai nama dan ciri sungai dan tasik utama di Malaysia, guru terus menyelitkan sekali kepentingan sungai atau tasik yang terdapat di kawasan yang dimaksudkan. Perkaitan sebegini membantu pelajar untuk memahami dengan lebih baik.



Perkara kedua yang perlu diperbaiki dalam RPH ialah, RPH perlu lebih ringkas, tidak perlu menerangkan ayat demi ayat bagi aktiviti yang dilakukan, cukup sekadar boleh membuatkan pembaca/pensyarah/penyelia faham apa bentuk aktiviti yang sedang dilakukan. Selain itu, sebaiknya RPH tersebut mempunyai pengasingan kolum bagi aktiviti guru dan aktiviti murid bagi menampakkan ia merupakan PDP dua hala dan berpusatkan murid.

## **5.0 REFLEKSI PENAMBAHBAIKAN RAKAMAN SIMULASI PENGAJARAN**

Berdasarkan ulasan pensyarah terhadap rakaman simulasi pengajaran kumpulan kami, terdapat beberapa penambahbaikan yang boleh kami lakukan:

Pertama, pemberian arahan yang lebih baik oleh guru. Apabila guru ingin mengadakan suasana pembelajaran interaktif iaitu melibatkan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan di dalam bilik darjah, guru perlu memberikan ayat arahan yang lebih baik untuk memastikan kawalan kelas dan hala tuju pembelajaran dapat dicapai. Misalnya, apabila guru melukis rajah kepentingan Tasik dan Sungai di hadapan kelas dan meminta pelajar untuk mengisi tempat kosong di rajah tersebut, guru perlu memberikan ayat panduan, contohnya “dengan merujuk kepada buku teks halaman X, cikgu nak wakil datang ke hadapan dan lengkapkan rajah yang cikgu lukis” Ini kerana, tanpa murid memahami tujuan sebenar guru meminta mereka datang ke hadapan, murid boleh menulis apa sahaja di ruangan kosong berkenaan.

Kedua, untuk proses penerangan bagi tajuk yang belum dipelajari, adalah lebih baik guru yang menerangkan terlebih dahulu mengenai tajuk tersebut, berbanding terus menguji kefahaman pelajar berkenaan tajuk dengan cara meneka/menulis isi-isi di ruangan kosong di atas rajah yang telah dilukis oleh guru di hadapan kelas. Sekiranya guru ingin mencungkil pengetahuan sedia ada pelajar, adalah memadai dengan guru mengajukan soalan dan meminta dua-tiga orang pelajar menjawab soalan tersebut melalui tempat duduk masing-masing sahaja.

Ketiga, perhatian yang diberikan kepada pelajar di dalam kelas perlu menyeluruh dan adil. Antara perhatian yang dimaksudkan ialah melalui pandangan mata guru semasa mengajar, nama yang sering dipanggil di dalam kelas dan juga kedudukan guru yang tidak hanya mendekati sekelompok pelajar sahaja. Ini adalah penting bagi mengelakkan pelajar merasakan guru tersebut pilih kasih misalnya hanya menyukai pelajar lelaki atau perempuan atau pelajar-pelajar tertentu sahaja. Selain itu, perhatian yang menyeluruh penting supaya guru tidak hanya memberikan tumpuan kepada pelajar yang ceria, aktif, berani dan pelajar yang pendiam dan malu pula seakan tersisih. Aspek ini perlu dititikberatkan oleh guru kerana personaliti guru juga dapat mempengaruhi minat pelajar terhadap subjek Geografi.

Keempat, semasa proses pembelajaran, guru digalakkan untuk menerangkan dengan menggunakan contoh yang dekat dengan diri pelajar. Sebagai contoh, apabila guru menerangkan mengenai tajuk kepentingan sungai di Malaysia yang berfungsi sebagai sempadan semula jadi, selain daripada menggunakan contoh sedia ada dalam buku teks, guru amat digalakkan untuk menambah penerangan dengan menggunakan contoh sempadan semula jadi di negeri (tempat pelajar tinggal) misalnya jika di Perak, sempadan semula jadi negeri adalah Sungai Bernam iaitu sempadan antara negeri Perak dan Selangor, kemudian guru menunjukkan kedudukan sungai tersebut di dalam peta Malaysia. Hal ini kerana, pembelajaran yang menggunakan contoh yang dekat dengan diri pelajar, membantu pelajar untuk membuat perkaitan dan pemahaman yang lebih baik.

Kelima, penggunaan peta semasa proses pengajaran dan pembelajaran Geografi. Apabila guru mengajar sesuatu tajuk yang mempunyai contoh penerangan berkenaan dengan sesuatu tempat atau semasa simulasi kumpulan, kepentingan sesuatu tasik dan sungai, adalah lebih baik jika guru terus menunjukkan kedudukan tasik dan sungai yang telah dijadikan contoh. Jika guru tidak dapat menyediakan peta sungai & tasik, guru boleh menggunakan mana-mana peta dalam mana-mana bab yang terdapat dalam buku teks. Atau, jika penggunaan ICT ada di sekolah tersebut, guru boleh memaparkan sahaja di LCD kelas gambar peta tersebut. Walau bagaimanapun, dalam proses simulasi kumpulan kami, kami telah menjadikan cadangan di atas sebagai aktiviti pelajar di bahagian penerokaan, di mana pelajar sendiri yang perlu melekatkan kedudukan tasik & sungai tersebut di atas peta yang telah dihasilkan oleh guru, dan pemetaan peta tersebut pelajar lakukan dengan menggunakan petunjuk-petunjuk yang guru sediakan.